

# Penduduk mahu jalan berlubang dibaik pulih segera

KUANTAN - Kerosakan pada Jalan Setali 1 di sini yang berlubang dan berlopak di-khuatiri membahayakan keselamatan orang ramai yang melaluinya.

Seorang pengguna jalan raya, Lau Mun Lan, 52, berkata, jalan itu rosak sejak tiga bulan lalu berpunca daripada takungan air susulan hujan lebat.

"Pada mulanya jalan pecah dan berlopak kecil namun disebabkan hujan turun agak kerap dan kenderaan sentiasa lalu-lalang membuatkan lubang terbentuk bertambah dalam.

"Kini keadaannya menjadi besar dengan kedalaman sehingga 10 inci dan kerosakan ini seharusnya dibaiki de-

ngan segera.

"Keadaan menjadi semakin rumit memandangkan laluan ini merupakan jalan alternatif menghubungkan Jalan Haji Ahmad dengan Air Putih," katanya ketika lawatan Adun Semambu, Lee Chean Chung, di sini.

Fong Hock Woo, 58, pula berkata, paling membimbangkan ketika hujan kerana lebih banyak air akan bertakung di dalam lubang itu.

"Ada sesetengah kenderaan yang tidak tahu akan meredah sahaja tanpa memikirkan bahaya, akibatnya kenderaan mereka rosak.

"Mungkin orang lain pun terima nasib yang sama seperti saya apabila tayar kereta

panciti apabila termasuk dalam lubang itu dua kali. Ada juga saya lihat penunggang motosikal terjatuh.

"Kami harap ada bantuan dan tindakan susulan daripada pihak berkuasa yang sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan masalah pengguna di laluan ini," katanya.

Sementara itu, Chean Chung berkata, pihaknya akan turut membuat susulan kepada pihak Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) mengenai aduan penduduk dan pengguna laluan tersebut.

"Kami akan memantau keadaan laluan tersebut sehingga ia siap dibaik pulih," katanya.

**Chean Chung (tengah) dan Mu Lan (kiri) dan Hock Woo (dua, kiri) meninjau Jalan Setali 1 yang mengalami kerosakan dan boleh membahayakan pengguna jalan raya.**



Sinar Harian  
6 Mac 2017.